



## PRESS STATEMENT

S.A. 2021/02/32 (HQ)

### TNB MENGIMBAU ASAL USUL TRADISI TAHUN BARU CINA MELALUI FILEM PENDEK UNIK

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** memeriahkan Tahun Baru Cina 2021 dengan mengimbau semula cerita rakyat mengenai raksasa mitos Nian, yang mengganggu orang ramai pada setiap malam Tahun Baru Cina, dengan sentuhan jenaka.

Menerusi filem ‘Nian-tastic New Start’, TNB berharap dapat mencetuskan tenaga positif bagi tahun baru ini berikutan pelbagai cabaran kita hadapi akibat pandemik COVID-19, kata Ketua Pegawai Perkhidmatan Koperat TNB baharu, Mohamad Ariff Zainol.

“Ramai yang mahukan permulaan baharu pada tahun 2021 dan menerusi filem ini, kami ingin memberi inspirasi kepada orang ramai untuk meraikan tahun baru ini dengan semangat kegembiraan dan perpaduan. Dengan tenaga yang positif, kita boleh bersama-sama mengharungi sebarang cabaran.”

Tambah Ariff, filem pendek yang sarat dengan nasihat dan cerita rakyat itu mengetengahkan semangat kegembiraan dan perpaduan yang menjadi asas kepada tradisi Tahun Baru Cina, menerusi kisah lagenda Nian dengan pendekatan berbeza.

Dalam filem yang mendapat sentuhan pengarah berkualiber Quek Shio Chuan itu, sekumpulan penduduk kampung yang ketakutan pergi mengembala bagi mendapatkan pertolongan seorang mahaguru yang bijaksana, dengan anggapan bahawa dia mengetahui rahsia cara mengalahkan Nian untuk mengembalikan keharmonian dan kesejahteraan kampung mereka.

Bagaimanapun, mereka terkejut apabila mengetahui mereka sudahpun mempunyai kuasa untuk mengalahkan raksasa itu selama ini, iaitu dengan bersatu sebagai satu komuniti serta mempamerkan semangat kegembiraan dan sikap positif untuk menghadapi raksasa itu.

Mahaguru yang bijaksana itu mengajar mereka kunci untuk mengalahkan raksasa itu adalah menakutkannya dengan warna merah, bunyi yang kuat serta cahaya yang terang. Ini dikatakan menjadi permulaan kepada banyak tradisi seperti berpakaian merah, berkumpul dengan keluarga, menghasilkan bunyi yang kuat dengan bermain gendang dan menyalakan mercun, dan menghiasi kediaman dengan tanglung berwarna merah yang terang untuk menakutkan Nian.

Padat dengan aksi luar biasa dan gelagat yang menggelikan hati, filem yang menggabungkan pendekatan moden dengan gaya drama zaman lalu telah dihasilkan sebelum PKP 2.0, dengan pematuhan SOP yang ketat. Ia juga menampilkan cameo pemegang rekod Guinness World Records tajaan TNB, Soh Wai Ching yang telah memecah rekod dunia untuk Pendakian Tangga Menegak Terhebat dalam Satu Jam (Lelaki) pada November tahun lalu.

S.A. 2021/02/32 (HQ)

Filem ‘Nian-tastic New Start’ dijadualkan untuk ditayangkan hari ini di Youtube ([www.youtube.com/TENAGAofficial](https://www.youtube.com/TENAGAofficial)) dan akan disiarkan di saluran TV bermula 10 Februari 2021.

Ia juga akan disusuli dengan iklan cetak yang unik di semua akhbar utama Bahasa Inggeris dan Cina. Penonton boleh mengetahui lebih lanjut mengenai watak-watak dalam filem tersebut menerusi platform media sosial TNB (Facebook dan Instagram), selain filter khas di Instagram menerusi carian ‘Niantastic’, ‘CNY 2021’ dan ‘TNB CNY’.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 2 Februari 2021, jam 10:00 pagi**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengecengahkan kegembiraan yang menjadi asas kepada tradisi dan nilai-nilai Tahun Baru Cina seperti mengenakan pakaian merah, berkumpul bersama keluarga, menghasilkan bunyi dengan bermain gendang, menghiasi rumah dengan tanglung yang terang dan lain-lain lagi. Bersama, kita raikan permulaan baru dengan semangat kegembiraan dan harapan.

S.A. 2021/02/32 (HQ)



Menerusi perpaduan dengan semangat kegembiraan dan tenaga positif, kita boleh mengatasi apa jua kesukaran. Dalam tahun yang penuh dengan ketidakpastian, inilah maksud sebenar kesejahteraan.



Ketua Pegawai Perkhidmatan Korporat TNB, Mohamad Ariff Zainol